

**NO SOALAN :36****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN  
(RANAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.07.2017**

**Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [ RANAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sabah dan Sarawak setiap tahun, termasuklah hasil yang diperolehi oleh Petronas; dan
- (b) berapakah jumlah yang dikembalikan kepada kedua-dua negeri tersebut .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM652.1 bilion, iaitu RM212.4 bilion

bagi tahun 2016, RM219.1 bilion (2015) dan RM220.6 bilion (2014). Daripada jumlah tersebut, kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM498.9 bilion, manakala bakinya yang berjumlah RM153.2 bilion merupakan hasil bukan cukai. Daripada hasil cukai, jumlah cukai yang dikutip di Sabah dan Sarawak bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM35.8 bilion iaitu 5.5% daripada hasil keseluruhan Kerajaan Persekutuan, iaitu RM13.8 bilion bagi tahun 2016, RM12.3 bilion (2015) dan RM9.7 bilion (2014). Kutipan cukai langsung dan tidak langsung di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing berjumlah RM15.7 bilion dan RM20.1 bilion.

2. Walau bagaimanapun, kutipan cukai tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dijana di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti perniagaan boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Sebagai contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti syarikat sebenarnya adalah di negeri lain.

Tuan Yang Dipertua,

3. PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta

Syarikat 1965 menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peraturan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh juruaudit bertauliah.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan PETRONAS bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM204.9 billion manakala pendapatan selepas cukai adalah sebanyak RM28.8 billion. Walau bagaimanapun, PETRONAS tidak mengakaunkan hasil dan perbelanjaan operasi mengikut negeri dan laporan kewangan yang telah diaudit adalah berdasarkan pendapatan keseluruhan bagi setiap syarikat di bawah kumpulan PETRONAS.

5. PETRONAS turut melaporkan kedudukan serta prestasi kewangan tahunan untuk pengetahuan umum dan maklumat tersebut boleh diakses melalui laman sesawang [www.petronas.com.my/investor-relations](http://www.petronas.com.my/investor-relations). Antara perkara yang dilaporkan adalah prestasi kewangan serta operasi tahunan PETRONAS mengikut sektor huluan dan hiliran di mana prestasi setiap sektor pula dibahagikan mengikut operasi antarabangsa dan domestik.

Tuan Yang Dipertua,

6. Pemberian yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara. Jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah masing-masing sebanyak RM3.2 bilion dan RM3.5 bilion, iaitu RM2.2 bilion bagi tahun 2016, RM2.3 bilion (2015) dan RM2.2 bilion (2014). Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tidak termasuk peruntukan bagi membiayai program dan projek Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak yang turut menyumbang kepada pembangunan secara langsung di negeri tersebut, contohnya pendidikan dan latihan, kesihatan, pengangkutan, dan lain-lain.